

# SALBUTAMOL HFA METERED DOSE INHALER

Salbutamol (100mcg/sedutan)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Salbutamol Inhaler
2. Bagaimana Salbutamol Inhaler berfungsi
3. Sebelum menggunakan Salbutamol Inhaler
4. Cara menggunakan Salbutamol Inhaler
5. Semasa menggunakan Salbutamol Inhaler
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Salbutamol Inhaler
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Salbutamol Inhaler

Salbutamol inhaler digunakan dalam rawatan dan pencegahan penyempitan saluran pernafasan yang masuk ke dalam paru-paru, dalam asma, bronkitis kronik (keradangan pada saluran pernafasan dalam paru-paru) dan *emphysema* (kerusakan pundi udara (dalam paru-paru)).

## Bagaimana Salbutamol Inhaler berfungsi

Salbutamol tergolong dalam kumpulan ubat anti-asma yang dikenali sebagai bronkodilator yang berfungsi dengan mengendurkan otot dalam saluran udara paru-paru. Ia membantu untuk memastikan saluran udara terbuka, dan memudahkan pernafasan.

## Sebelum menggunakan Salbutamol Inhaler

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Salbutamol Inhaler jika anda alah kepada salbutamol atau mana-mana bahan-bahan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

- Sebelum menggunakan Salbutamol Inhaler

Beritahu doktor atau ahli Farmasi jika anda mempunyai:-

- *Thyrotoxicosis* (terlalu banyak hormon tiroid)

## Kehamilan dan penyusuan

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika:

- Anda hamil, mungkin hamil atau fikir anda mungkin hamil
- Anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusu kerana salbutamol mungkin dijumpai dalam susu ibu, penggunaannya dalam ibu-ibu menyusu memerlukan pertimbangan yang teliti.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat jika anda hamil atau menyusu

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau telah baru-baru ini mengambil apa-apa ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

Khususnya, beritahu doktor anda jika anda mengambil:

- Beta-blockers bukan selektif (seperti propranolol) atau pil air (diuretik), digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi atau penyakit jantung.
- Xanthine derivatives seperti aminophylline
- Steroid

## Cara menggunakan Salbutamol Inhaler

Sentiasa gunakan ubat ini betul-betul seperti doktor anda memberitahu anda. Tanya dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Label harus mengingatkan anda berapa banyak sedutan untuk diambil dan berapa kerap anda perlu mengambilnya

Jangan mengambil lebih daripada yang doktor anda telah memberitahu anda.

- Berapa banyak harus digunakan  
Dewasa dan kanak-kanak lebih 4 tahun:

*Untuk melegakan episod bronkospasma akut*  
1-2 sedutan 4 hingga 6 kali sehari.

*Untuk mencegah bronkospasma disebabkan oleh senaman*  
Dua sedutan 15 minit sebelum senaman

Kanak-kanak di bawah 4 tahun:  
Keselamatan dan keberkesanan salbutamol yang disedut belum dipastikan.

- Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengguna salbutamol inhaler seperti yang diarahkan oleh doktor anda

- Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda apa yang perlu anda lakukan sekiranya anda terlupa untuk menggunakannya.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga masa untuk mengambilnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan mengambil dos yang berganda untuk dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan boleh menyebabkan menggeletar, kulit memerah dan berasa debaran jantung yang disebabkan oleh peningkatan denyutan jantung.

### **Semasa menggunakan Salbutamol Inhaler**

#### **- Perkara yang perlu dilakukan**

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Salbutamol Inhaler.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

#### **- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Salbutamol Inhaler kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

#### **- Perkara yang perlu diberi perhatian**

Kanister logam salbutamol inhaler mempunyai tekanan. Ia tidak boleh di pecahkan, dicucuk atau dibakar, walaupun nampaknya kosong.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan Salbutamol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mendapatnya. Reaksi alahan yang sangat jarang berlaku, termasuk ruam netel atau geligata, bronkospasma, penurunan tekanan darah, bengkak kulit.

Kesan-kesan sampingan lain termasuk:-

- Menggeletar ringan
- Sakit kepala

- Bronkospasma paradoks (pernafasan bertambah teruk. Sekiranya berlaku, terapi perlu dihentikan serta-merta dan terapi alternatif dimulakan.)
- Hipokalemia (kekurangan kalium dalam aliran darah)

Jika mana-mana kesan sampingan bertambah serius, atau jika anda perasan apa –apa kesan sampingan yang tidak tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Consumers → Reporting Medicinal Problem/Side Effect/ AEFI/ Vaccine Safety*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Salbutamol Inhaler**

#### **- Penyimpanan**

Salbutamol inhaler harus disimpan di tempat yang kering, di bawah 30 ° C dan dilindungi daripada cahaya. Inhaler tidak harus dibekukan.

#### **- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk**

Aerosol yang mudah disedut mengandungi ampaiian putih hingga putih pudar dengan bau tertentu dalam cecair yang sesuai, dalam kanister bertekanan dipasang dengan injap.

#### **- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif

Salbutamol Sulfate 100mcg setiap sedutan (dipecahkan kepada zarah yang sangat halus)

- Bahan tidak aktif

Asid Oleic, Ethanol, bahan dorongan HFA 134a, bekas aluminium (19cc), injap bersukat (50µl)

#### **- Nombor MAL**

MAL 12030002AZ

### **Pengilang**

Midas-care pharmaceuticals Pvt Ltd, B-16, MIDC, Waluj, Aurangabad 431,136, India.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Unimed sdn bhd  
No.53 Jalan Tembaga SD 5/2B,  
Bandar Sri Damansara,  
52200 Kuala Lumpur

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

25/09/2017

### **Nombor Siri:**

NPRA (R4/1)190917/00250